



KEADAAN bahagian belakang rumah yang terjejas akibat tebing Sungai Rawang yang runtuh di Taman Bersatu, Rawang.



KEADAAN rumah yang terjejas akibat tebing Sungai Rawang yang runtuh di Taman Bersatu, Rawang.



‘RUMAH KAMI NAK ROBOH’

■ Runtuhan tebing Sungai Rawang jejas lapan kediaman di Taman Bersatu

Mohd Fadly Samsudin
fadly@hmetro.com.my

Rawang

“Berdasarkan kesan retak yang berlaku, rumah kami boleh roboh bila-bila masa. Kami sekeluarga kini terpaksa tidur di bahagian anjung rumah kerana bimbang berlaku runtuhan,” ujar Khirudin Haron, 48.

Dalam kejadian jam 4.30 petang, Jumaat lalu itu, lapan rumah di Taman Bersatu, Fasa 1, di sini, mengalami keretakan teruk terutama di bahagian dapur akibat runtuhan tebing Sungai Rawang.

Menurutnya, kejadian berlaku ketika dia berehat sebelum terasa gegaran di luar rumah.

“Mulanya saya menyangka gegaran berpunca kerja pembinaan di kawasan berhampiran.

“Tidak lama selepas itu, anak saya memberitahu tebing rumah kami roboh. Saya kemudian mendapati

bahagian belakang rumah kami berhampiran sungai berlaku runtuhan besar.

“Saya difahamkan, kejadian runtuhan terbaru itu menyebabkan puluhan penduduk terpaksa berpindah ke penempatan sementara berikutan proses membaiki pulih tebing runtuh itu mengambil masa lama,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tinjauan wartawan Harian Metro di lokasi kejadian mendapati rumah penduduk mengalami keretakan teruk pada dinding manakala lantai dapur juga mula mendap

dan condong dikhuatiri akan runtuh pada bila-bila masa. Keadaan itu sekaligus menyebabkan Jawatankuasa Bencana Daerah Gombak mengarahkan penghuni mengosongkan kediaman masing-masing sejak semalam.

Katanya, penduduk dimaklumkan akan dipindahkan sementara ke Dewan Serbaguna Batu 17, Taman Jati, Rawang, sehingga Jumaat ini sebelum


dipindahkan ke Kuarters Jabatan Kerja Raya (JKR) Rawang.

“Penduduk yang terjejas sekarang mengharapkan ada pihak berkaitan termasuk pimpinan di kawasan ini serta kerajaan negeri dapat menyalurkan bantuan sewajarnya.

“Bagaimanapun, kami bersyukur kerana tiada penduduk yang cedera. Setakat ini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sudah melawat ke kawasan ini,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Chin Yoke Ya, 45, berkata, ketika kejadian dia memasak sebelum dikejutkan dengan runtuhan dari bahagian bilik rumahnya.

“Saya kemudian berlari ke hadapan rumah selepas lantai kediaman mulai mendap. Saya bernasib baik kerana 10 minit selepas itu, keseluruhan ruang dapur rumah saya runtuh sepenuhnya,” katanya.



KHIRUDIN menunjukkan kesan retak di sebahagian rumahnya.



“Kami sekeluarga kini terpaksa tidur di bahagian anjung rumah kerana bimbang berlaku runtuhan”

Khirudin Haron